

**RETREAT PERANCANGAN KERJA TAHUN 2022 BERSAMA  
YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

---

**UCAPAN YBHG DATUK SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN  
KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA  
MENTERI**

**YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)**

**YB Dato' Addin Syazlee bin Shith, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)**

**YBhg. Tan Sri Noor Azlan Ghazali,  
Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi**

**YBhg. Datuk-Datuk Timbalan Ketua Pengarah,**

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berhimpun dalam Majlis ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan YB Dato' Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) di atas kesudian mereka berdua bersamasama kita dalam program ini.

Tahun 2021 berlalu begitu pantas dan kini kita telah melangkah ke tahun 2022. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua. Semoga tahun 2022 akan memberikan semangat kepada kita semua untuk terus menggalas amanah dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi dan meningkatkan pencapaian EPU, JPM, sebagai sebuah organisasi yang bukan sahaja cemerlang, bahkan juga menjadi *Leading Agency* dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi negara, in syaa allah.

Di atas hasrat inilah, kita berkumpul pada hari ini dalam sesi Retreat Hala Tuju Perancangan Kerja EPU, JPM. Untuk kita sama-sama berbincang bagi menetapkan hala tuju serta perancangan kerja utama yang akan dilaksanakan bagi tahun 2022.

**YB Dato' Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian,**

## **ISU SEMASA**

Tahun 2021 adalah satu tahun yang agak sukar. Kita telah diuji dengan Pendamik Covid19 yang berterusan dan kita perlu menyesuaikan kehidupan dengan norma baharu. Saya berharap warga EPU dan ahli keluarga yang dijangkiti Covid-19 pulih sepenuhnya dan dapat menjalani kehidupan seperti biasa. Baru-baru ini, kita diuji pula dengan bencana banjir yang telah menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda. Saya

dimaklumkan seramai 33 orang warga EPU turut terkesan dengan banjir yang berlaku. Semoga mereka tabah dan bersabar menghadapi ujian ini.

Banyak pengajaran yang boleh kita dapat daripadanya. Antaranya ialah bagaimana pentingnya sistem dan pengurusan serta komunikasi yang teratur dan terancang dalam memastikan kejayaan pelaksanaan sesuatu perkara. Kita boleh mengambil iktibar daripada apa yang berlaku supaya penambah baikan dapat dilaksanakan sewajarnya.

### **PERPINDAHAN EPU KE MENARA PRISMA**

Bermula penghujung tahun lalu, EPU telah mula berpindah ke bangunan baharu iaitu ke Menara Prisma. Walaupun pejabat baru ini masih banyak kelemahan dan kekurangannya, namun saya percaya pihak pengurusan sedang menguruskan perkara ini dengan sebaik-baiknya.

### **PENCAPAIAN 2021 SEPINTAS LALU**

## **DASAR /PELAN NASIONAL**

Alhamdulillah, dengan izin Allah swt, sepanjang tahun 2021 EPU masih berjaya melaksanakan beberapa perkara utama yang antaranya ialah melancarkan Enam (6) Dasar / Pelan Nasional iaitu:

- i. Nasional OGSE Blueprint 2021 – 2030 pada 27 April 2021; ii. Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia pada 19 Februari 2021; iii. Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara pada 1 Julai 2021 dan iv. Membentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 pada 27 September 2021
- v. Menyediakan Pelan Pelaksanaan Dasar RKKe-12 untuk edaran Kementerian dan agensi pada bulan November 2021 dan juga vi. Menyediakan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Panjang Kesan wabak Covid-19 (NERP) atau (*Resetting Malaysia*)

## **KAJIAN DAN INISIATIF/AKTIVITI PROJEK PEMBANGUNAN**

Selain itu, kita juga telah menyediakan 17 kertas kajian bagi menilai impak dasar dan menjadi asas perancangan hala tuju baharu RMKe-12, melaksanakan 6 kali sesi *Poverty Circle* serta pelbagai inisiatif dan program bagi pelaksanaan projek pembangunan termasuk memperkenalkan Garis Panduan Pemeriksaan Bajet RP@, 2022, mengadakan Makmal Pengurusan Nilai bagi menetapkan kos projek yang optimum dan menerbitkan Buku Merah EPU, JPM Versi 2.0 – Langkah-langkah Penambahbaikan Pelaksanaan Projek Pembangunan Lima Tahun (RMLT).

## **KERJASAMA ANTARABANGSA**

Di peringkat antarabangsa pula, EPU, JPM telah mengadakan kerjasama teknikal dengan UNDP, UNICEF, UNFPA, WORLD BANK dan JICA di samping penglibatan dalam Mesyuarat OPEC.

## **PEMANTAPAN TADBIR URUS DAN ORGANISASI**

Seperti yang saya sebutkan di awal ucapan ini bahawa kita berhasrat untuk menjadikan EPU sebagai *Leading Agency* serta menjenamakan EPU sebagai peneraju utama perancangan pembangunan sosioekonomi Malaysia. Bagi membolehkan hasrat ini tercapai, kita memerlukan struktur organisasi yang mantap serta tenaga kerja yang terbaik. Antara perkara-perkara yang telah dilaksanaka ke aras pencapaian hasrat ini ialah:

- i. Menyediakan tiga (3 Pelan) yang boleh dijadikan asas dan rujukan iaitu Pelan Strategik EPU 2021 – 2025, Pelan Anti Rasuah Organisasi EPU 2021 – 2025 dan Pelan Strategik Pendigitalan EPU 2021 -2025, ii. Mewujudkan lima (5) bahagian dan unit baharu, iii. Menyediakan Pelan Penggantian 15 Jawatan strategic EPU, iv. Melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti dan Kompetensi dan sebagainya.

## **FOKUS 2020**

**YB Dato' Sri, Datuk-Datuk serta saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,**

Pada tahun ini, EPU, JPM akan terus berusaha untuk menambahbaik dasar serta aktiviti yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan mekanisme pelaksanaan, penyelaras, pemantauan dan penilaian serta sistem pengukuran prestasi yang lebih kemas dan sistematik. Sasaran utama kita adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta membantu Kerajaan mengekalkan kesejahteraan rakyat dan negara.

Fokus Hala Tuju EPU bagi tahun 2022 telah dibahagikan kepada 6 Kluster utama iaitu:

- i. Penyediaan dan Penilaian Dasar Sosioekonomi;
- ii. Pengurusan Bajet Pembangunan RMKe-12; iii. Pemantauan RMKe-12 dan Dasar-Dasar Lain;
- iv. Penyediaan Kajian Separuh Penggal RMKe-12;
- v. Kawal selia dan Pemudah Cara Pihak Berkepentingan; vi. Memantapkan Tadbir Urus Ke arah Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap dan Berkesan.

Pembahagian kluster ini in syaa allah, memudahkan kita memberi tumpuan kepada perkara-perkara utama dan penting untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

## **PENUTUP**

**YB Dato' Sri Menteri dan YB Dato' Timbalan Menteri, Datuk-Datuk serta Tuan-tuan dan Puan-puan,**

Dalam sesi *retreat* ini, saya dimaklumkan akan ada sepuluh (10) kertas pembentangan oleh pengarah-pengarah bahagian serta EAC. Semoga *retreat* ini menjadi titik mula dalam menghasilkan buah fikiran dan gerak kerja bagi hala tuju yang dapat membawa kecemerlangan kepada EPU bagi tahun 2022 dan seterusnya. Dengan kepimpinan dan *guidance* daripada YB Dato' Sri Menteri dan juga YB Dato' Timbalan Menteri, saya percaya kita mampu mengangkat kecemerlangan EPU ke tahap yang lebih tinggi. Saya juga berharap sesi ini bukan sahaja memberikan kita ruang untuk berkongsi pengetahuan tetapi juga mengeratkan silaturrahim sesama kita.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Sri Menteri dan YB Dato' Timbalan Menteri di atas kesudian melapangkan masa bersama kita di sini dan juga kepada penganjur dan urusetia yang telah bertungkus lumus menjayakan program hala tuju EPU pada kali ini. Semoga usaha kita mendapat keberkatan Allah SWT juga.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi taufiq wal hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.